

USM bangun sistem SoC

Georgetown: Universiti Sains Malaysia (USM) menjalin kerjasama dengan tiga agensi terkemuka bagi membangunkan sistem teknologi tanpa wayar keluaran negara ini menggunakan *System on Chip* (SoC).

Kerjasama antara Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp), Pixart Imaging Penang Sdn Bhd (Pixart) dan Silterra Malaysia Sdn Bhd (Silterra) itu turut membabitkan 25 penuntut dalam bidang berkaitan dari sembilan universiti tempatan bagi tempoh dua tahun pembelajaran.

Naib Canselor USM, Prof Datuk Dr Asma Ismail berkata, penuntut berkenaan dibimbing di bawah Pusat Usahasama Kecemerlangan Reka Bentuk Mikroelektrik (CEDEC) yang bertanggungjawab sebagai jabatan yang mengatur serta menggalakkan aktiviti program.

Katanya, kerjasama itu dapat membentuk kumpulan mahir serta menyediakan latihan kepada pekerja sedia ada selain dapat meningkatkan reputasi serta akses kepada teknologi dan pengetahuan lengkap.

“Dalam program ini, USM bertindak sebagai pengurus program 3D (Permintaan, Memacu dan Pembangunan) bagi membangunkan sistem teknologi tanpa wayar keluaran negara ini.

“Program ini dibiayai Ta-



DR Asma (tengah) dan Shareen Shariza (dua dari kiri) pada Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian, semalam.



Program ini dibiayai TalentCorp sebanyak RM18 juta bagi tempoh dua tahun”

DR Asma Ismail

lentCorp sebanyak RM18 juta bagi tempoh dua tahun,” katanya pada Majlis Pertukaran Memorandum Perjanjian (MoA) antara USM dengan Pixart dan TalentCorp di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Pixart Huang Sen Huang dan Ketua Pegawai Eksekutif TalentCorp, Shareen Shariza Datuk Abdul Ghani.

Selain USM, penuntut yang terbabit dari Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Universiti lain ialah Uni-

versiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM), Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Malaysia Perlis (Unimap).

Program berkenaan dimulakan sejak Julai tahun lalu dan dijangka tamat pada Julai 2019.

Sementara itu, menerusi MoA berkenaan, Pixart akan membiayai program berkenaan sebanyak RM292,800 bagi menyediakan perkakasan untuk menyalurkan imej daripada sensor PixArt Imaging CMOS, menjalankan penyelidikan dalam Sistem Penglihatan Aliran Optik pandangan tiga dimensi (3D), menyediakan kepakaran dan teknologi teknikal.

TalentCorp bertindak sebagai agensi pembiayaan utama bersama Silterra dan Intel Malaysia Sdn Bhd pularakan industri.